

**Najib Mahu Anggota Parti Bersatu Pastikan Kemenangan Besar BN
Bernama
20 April, 2013**

PEKAN, 20 April (Bernama) -- Anggota Barisan Nasional (BN) perlu bersatu bagi memastikan kemenangan besar pada pilihan raya umum 5 Mei ini, dan tidak mempertikai keputusan yang telah dibuat berhubung calon yang diturunkan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

Najib yang juga Pengerusi BN berkata bagi memastikan BN memperoleh kemenangan besar pada pilihan raya kali ini, jentera parti komponen perlu ampuh dalam melaksanakan tugas, selain menjalankan tugas untuk meraih undi sebagai 'sebuah keluarga.' "Sekarang bukan masanya kita beri pandangan mengenai calon. Masa untuk beri pandangan dan membincangkan soal ini sudah berlalu.

"Mulai hari ini tutup buku mengenai calon dan tumpu kepada pilihan raya.

"Kalau kita menoleh ke belakang, mungkin akan melemahkan semangat," kata Perdana Menteri semasa berucap pada jamuan tengah hari di kediamannya di sini Sabtu Perdana Menteri berkata mereka yang tidak terpilih menjadi calon tidak bererti "dunia menjadi gelap," yang penting BN berkuasa kerana banyak perkara yang dapat dilakukan bagi membantu rakyat.

"Perahu sudah berada di sungai, dayung di tangan, ayuh mari kita kayuh menuju ke destinasi...destinasi kita tidak lain dan tidak bukan...kemenangan yang besar (untuk BN)," katanya.

Najib berkata tanggungjawab jentera parti kini adalah menerangkan kepada rakyat dan menyampaikan mesej kepada mereka bahawa kerajaan BN adalah kerajaan terbaik untuk mereka.

"BN telah menepati janji dan membawa harapan, dan kini jentera parti perlu yakinkan rakyat bahawa Barisan Nasional adalah pilihan yang tepat," katanya.

Najib berkata sokongan rakyat terhadap kerajaan termasuk program transformasi nasional, adalah positif berbanding pembangkang yang tidak mengotakan sebahagian besar janji pilihan raya umum 2008.

Katanya selepas hari penamaan calon hari ini, beliau merasai suasana dan sentimen amat baik dan positif kepada BN untuk terus mentadbir negara ini.

--BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=943737>